



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

26 JUN 2021


A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **189 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **68,577 kes**. Tiada kes kematian direkodkan hari ini.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 145 menjadikan jumlah kumulatif 66,530 orang. Seramai 1,367 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 449 orang di hospital, 919 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam manakala sembilan (9) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 69 orang dan 17 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Telupid bertukar dari zon jingga ke zon kuning, Kota Marudu berubah dari zon jingga ke merah, Sipitang berubah merah ke jingga.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 18 daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Kuning lima (5) daerah
- Zon Hijau dua (2) daerah

- i Pada hari ini, jumlah kes positif COVID-19 di Sabah mencatatkan peningkatan 33 kes iaitu daripada 156 kes semalam (25 Jun 2021) kepada 189 kes (26 Jun 2021).
- ii Daripada 189 kes jangkitan baharu hari ini, 99 kes adalah hasil daripada saringan kontak rapat, sembilan (9) kes adalah daripada saringan kluster, 17 kes adalah daripada saringan bergejala, 58 kes daripada saringan bersasar dan enam (6) kes adalah daripada lain-lain kes.
- iii Sembilan (9) daerah mencatatkan peningkatan kes hari ini dengan enam (6) daerah mencatatkan peningkatan kes pada julat satu (1) angka, manakala tiga (3) lagi daerah lain mencatatkan peningkatan kes pada julat dua (2) angka iaitu Kudat 56 kes (+51), Kota Marudu 21 kes (+20) dan Kota Belud 20 kes (+15). Tiga (3) daerah lain yang mencatatkan kes baharu pada hari ini iaitu Penampang lima (5) kes, Pitas satu (1) kes dan Semporna satu (1) kes kekal sebagaimana jumlah kes semalam.
- iv Walau bagaimanapun, 11 daerah di Negeri Sabah mencatatkan penurunan kes. Sembilan (9) daerah mencapai penurunan kes dengan julat satu (1) angka, manakala dua (2) daerah lagi menunjukkan penurunan pada julat dua (2) angka iaitu Sandakan (-23) dan Tawau (-22).
- v Pada hari ini, lapan (8) daerah mencatatkan sifar (0) kes Beluran, Telupid, Tongod, Kuala Penyu, Sipitang, Tenom, Nabawan dan Tambunan.
- vi Ringkasan data keseluruhan pada hari ini ialah lima (5) daerah mencatatkan kes pada julat dua (2) angka manakala daerah lain hanya pada julat satu (1) angka, sembilan (9) daerah mencatatkan kenaikan kes, (11) daerah mencatatkan penurunan kes, tujuh (7) daerah kekal sebagaimana catatan hari semalam empat (4) daerah adalah sifar (0) kes, lapan (8) daerah mencatatkan sifar (0) kes, dua (2) daerah (Beluran dan Tenom) sebagai Zon Hijau, dan satu (1) kluster baru iaitu Kluster Tembok dua (2) kes dengan kluster sedia ada mencatatkan kumulatif tujuh (7) kes.

- vii Setakat ini, Zon Hijau kekal kepada dua (2) daerah namun, dengan jumlah catatan sebanyak 99 kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.
- viii Orang ramai digesa untuk kekal berada di rumah dan bagi mereka yang bekerja, hadkan pergerakan kerana kebergantungan penurunan kes atau jangkitan baharu adalah sangat dipengaruhi oleh sejauh mana komuniti mematuhi SOP Kendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

- i **Kluster Tembok - Tawau** melibatkan penularan jangkitan di pusat tahanan. Kluster ini mula dikesan apabila kes indeks, banduan lelaki yang dibawa masuk dari Lokap IPD Lahad Datu ke blok kuarantin di Blok Ehsan pada 11 Jun 2021, disahkan positif dalam saringan hari ke-10 pada 21 Jun 2021. Saringan sama turut merekodkan tiga (3) lagi kes positif dalam kalangan penghuni sel terbabit pada 22 Jun 2021. Berikutan penemuan itu, saringan kontak rapat yang dijalankan terhadap 61 warga tembok sehingga 23 Jun 2021 mendapat lima (5) lagi kes positif terdiri daripada tiga (3) warden dan dua (2) banduan, menjadikan jumlah kumulatif kes positif COVID-19 bagi kluster ini sebanyak sembilan (9) kes. Aktiviti pengesanan kontak rapat sedang giat dijalankan dan punca jangkitan masih dalam siasatan

7 Jumlah kapasiti katil 4,192 unit

- Hospital 706 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,066 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 32.61%.

B LAPORAN OPERASI PEMERIKSAAN KE ATAS PEMATUHAN SOP 60% KEHADIRAN TENAGA KERJA DI SEKTOR PERKILANGAN BAGI DAERAH TAWAU DAN LAHAD DATU

- 1 Operasi pemeriksaan ini telah dilaksanakan selaras dengan arahan Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri Sabah, untuk memastikan pematuhan SOP kehadiran 60% tenaga kerja dalam sektor perkilangan di bahagian Pantai Timur Sabah.
- 2 Operasi ini telah dilaksanakan di daerah Tawau dan Lahad Datu pada 13 Jun 2021 hingga 23 Jun 2021 oleh Kementerian Pembangunan Perindustrian (MID) dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan (DIDR), Majlis Perbandaran Tawau (MPT), Majlis Daerah Lahad Datu (MDLD), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Imigresen. Pemeriksaan ini telah dibuat secara mengejut ke atas kilang-kilang di daerah-daerah berkenaan.
- 3 Hasil pemeriksaan di daerah Tawau ke atas 30 buah kilang didapati sebanyak 10 buah kilang **tidak mematuhi SOP kehadiran 60% tenaga kerja sektor perkilangan** dan telah dikompaun oleh KKM di bawah Peraturan 16 - Gagal memastikan kapasiti kehadiran pekerja bagi sektor perkilangan dan pembuatan seperti arahan Ketua Pengarah KKM.
- 4 Manakala di daerah Lahad Datu 36 buah kilang telah diperiksa. Hasil pemeriksaan mendapati semua kilang ini mematuhi peraturan ini. Hanya sebuah kilang pekerjaan seramai empat (4) orang telah dikompaun oleh KKM di bawah Peraturan 17 atas sebab gagal memakai pelitup muka di tempat kerja.
- 5 Semua sektor perkilangan adalah dikehendaki untuk mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

C SOP BAGI LIMA PKPD DI SABAH

- i SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Flat Indah Jaya, Sandakan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- ii SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg Kuala Merotai, Kalabakan adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
- iii SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg Muhibbah, Menggatal, Kota Kinabalu adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

- iv SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg Tahak, Membakut, Beaufort adalah seperti di **LAMPIRAN D**.
- v SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Penjara Tawau Dan Kuarters Penjara Taman Ehsan, Tawau adalah seperti di **LAMPIRAN E**.

-

D **PKPD PENJARA KEPAYAN, KOTA KINABALU**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi terkini kes COVID-19 di Penjara Kepayan, Kota Kinabalu.
- 2 KKM mendapati berlaku peningkatan kes apabila sebanyak 18 kes positif telah dikesan dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Penjara Kepayan, Kota Kinabalu berkuat kuasa 28 Jun sehingga 11 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk menghalang penularan kes serta mengelakkan jangkitan kepada yang individu lain.

E **PKPD KILANG SAWIT BELL (TERMASUK PERUMAHAN KILANG), KINABATANGAN**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan perkembangan terkini kes COVID-19 di Kilang Sawit Bell (termasuk perumahan kilang), Kinabatangan.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 157 ujian saringan dan 29 daripadanya dilaporkan positif COVID-19 dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti ini.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kilang Sawit Bell (termasuk perumahan kilang), Kinabatangan berkuat kuasa 28 Jun sehingga 11 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan dan tidak menjangkiti komuniti di luar.

F PKPD KAMPUNG TUUNON, PENAMPANG

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Tuunon, Penampang.
- 2 KKM mendapati berlaku peningkatan yang ketara apabila sebanyak lapan (8) kes telah direkodkan selepas 10 orang penduduk menjalani ujian saringan di lokaliti ini dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Tuunon, Penampang berkuat kuasa 28 Jun sehingga 11 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

G PKPD KAMPUNG PERPADUAN RIA 1, KUDAT

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Perpaduan Ria 1, Kudat.
- 2 KKM mendapati berlaku peningkatan apabila sebanyak sembilan (9) kes telah direkodkan selepas 10 orang penduduk menjalani ujian saringan dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti ini.

- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Perpaduan Ria 1, Kudat berkuat kuasa 28 Jun sehingga 11 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

H PKPD KAMPUNG JAWI-JAWI, KOTA BELUD

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi terkini kes COVID-19 di Kampung Jawi-Jawi, Kota Belud.
- 2 Sehingga kini, sebanyak 12 kes positif COVID-19 telah direkodkan hasil saringan ke atas 20 penghuni dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti ini.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Jawi-Jawi, Kota Belud berkuat kuasa 28 Jun sehingga 11 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD bertujuan untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

I PELANJUTAN PKPD 2 LOKALITI DI KOTA BELUD

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di Kota Belud yang dijadualkan tamat pada 27 Jun 2021.

Kedua-dua lokaliti tersebut ialah:

- Kampung Tawadakan
- Kampung Kota Bungan

- 2 Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 249 ujian saringan dan 35 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM juga mendapati penularan masih berlaku dalam komuniti serta terdapat kes baharu di rekodkan di lokaliti tersebut.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melanjutkan PKPD dua (2) lokaliti di Kota Belud bermula 28 Jun sehingga 11 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

J PENAMATAN PKPD KAMPUNG INDAH, NABAWAN

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Indah, Nabawan yang dijadualkan tamat pada 27 Jun 2021.
- 2 Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 252 ujian saringan dan 24 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 Pada masa sama, KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Indah, Nabawan pada 27 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

K PENAMATAN PKPD KAMPUNG MANGGIS, KUALA PENYU

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Manggis, Kuala Penyu yang dijadualkan tamat pada 27 Jun 2021.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 168 ujian saringan dan lapan (8) daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Manggis, Kuala Penyu pada 27 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

L PENAMATAN PKPD KAMPUNG BARU (SFI), SIPITANG

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Baru (SFI), Sipitang yang dijadualkan tamat pada 27 Jun 2021.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 248 ujian saringan dan 25 orang daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Baru (SFI), Sipitang pada 27 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

M PENAMATAN PKPD 2 LOKALITI DI TAWAU

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di Tawau yang dijadualkan tamat pada 27 Jun 2021.
- Lokaliti tersebut ialah:
- Taman Kinabutan Ria
 - Simpang Inderasabah
- 2 Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 102 ujian saringan dan 23 orang daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD dua (2) lokaliti di Tawau pada 27 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

N PENAMATAN AWAL PKPD KAMPUNG SUNDANG LAUT, SANDAKAN

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Sundang Laut, Sandakan yang dijadualkan tamat pada 29 Jun 2021.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 283 ujian saringan dan 10 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 Pada masa sama, KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Sundang Laut, Sandakan pada 27 Jun 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

O STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **10** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **63,042** orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **451** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **54,613** orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **6,916** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **303,524** orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **8,617** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **98,324** orang.

5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 9,309 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 861,073 (mysejahtera 787,348 : laman web 73,450 : talian vaksinasi 275) bersamaan 30.1%.

P BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **162,102** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

Q LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

1 Sejumlah 141 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 73,381 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 342 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 75 hebaham melalui kereta peronda dan tiga (3) tangkapan dibuat.

2 Sebanyak 58 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.

- 19 orang : Tidak Memakai Pelitup Muka/Tidak Memakai Pelitup Separuh Muka Dengan Betul.
- Satu (1) orang : Membawa Penumpang Berlebihan
- Tujuh (7) orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
- 22 orang : Tidak Mematuhi Arahan Perintah Kawalan Pergerakan
- Satu (1) orang : Tidak Mematuhi Arahan Kuarantin
- Dua (2) orang : Pemilik Premis Gagal Menyediakan QR Kod/Buku Pendaftaran
- Satu (1) orang : Majikan gagal Memastikan Kapasiti Kehadiran Pekerja
- Lima (5) orang : Lain-lain Kesalahan Tidak Tersenarai

3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 127 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 28 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.

4

Laporan Kompaun Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 1,304 premis perniagaan dan penjaja telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
- ii Tiada kompaun di keluarkan pada hari ini.
- iii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan penguatkuasaan pematuhan SOP ke atas 39 premis perniagaan dan 79 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis. Seramai 50 anggota terlibat tugas khas menghantar bantuan bakul makanan *Home Quarantine* dan E-Kasih.

5

Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 344 Premis Perniagaan melibatkan 201 anggota APM. Sebanyak 36 Notis Amaran dikeluarkan kepada Premis perniagaan yang tidak mengikuti SOP.

6

Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 73 anggota di 101 lokasi.

7

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 17 premis, melibatkan sembilan (9) buah daerah pada hari ini.

8

Sejumlah 219 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 10 daerah pada hari ini.

9

Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 102 hebahan di seluruh Sabah.

R KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP 3.0 pada hari ini ialah **94.7%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Keningau	95.5%
2	Kota Kinabalu	95%
3	Kunak	95%
4	Beluran	95%
5	Sipitang	95%
6	Kota Marudu	95%
7	Tenom	95%
8	Kudat	95%
9	Ranau	95%
10	Kota Belud	95%
11	Sandakan	95%
12	Penampang	94.5%
13	Semporna	94.5%
14	Papar	94.5%
15	Kinabatangan	94.5%
16	Tuaran	94%
17	Lahad Datu	94%
18	Beaufort	94%
19	Tawau	94%

- 2 Pelan Pemulihan Negara merupakan panduan bagi setiap rakyat untuk bersama berusaha keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.


#MenangBersama

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

LAMPIRAN A

Dikemaskini pada 25 Jun 2021



Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengaruh Kesihatan.

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas
--------------------	--------	---------------------------	--

Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
---------------------	-----------------------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawasan yang Terlibat	<ul style="list-style-type: none"> Seluruh Kawasan Flat Indah Jaya, Sandakan, Sabah.
Tempoh Berkuatkuasa	<ul style="list-style-type: none"> 26 Jun 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 9 Julai 2021 (11.59 malam)
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA. Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup.

1

Dikemaskini pada 25 Jun 2021



Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengaruh Kesihatan.

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas
--------------------	--------	---------------------------	--

Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
---------------------	-----------------------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas									
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM. Pengecualian hanya diberikan kepada seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD. Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali: <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil.</th> <th>Premis Perniagaan</th> <th>Masa Beroperasi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Kedai Runcit / Mini Market</td> <td>6.00 pagi hingga 6.00 petang</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Pasar / Pasar bergerak</td> <td>6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja</td> </tr> </tbody> </table>	Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi	1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang	2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja
Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi								
1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang								
2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja								

*Tertakluk kepada arahan semasa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah

2



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETAKTAKAN (PKPD) DI FLAT INDAH JAYA, SANDAKAN, SABAH

Dikemaskini pada 25 Jun 2021

Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperi ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
AKTIVITI DAN PROTOKOL					
Tindakan	Penerangan Ringkas				
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none">Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM untuk seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan:<ul style="list-style-type: none">a) mengeluarkan duit dari mesin2 ATM / bank; danb) membeli keperluan asas.Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM.Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM.Jika berlaku kematian di rumah hendaklah dilaporkan di balai polis atau pejabat kesihatan berdekatan untuk dibawa ke kamar mayat hospital bagi tujuan pemeriksaan COVID-19, sekiranya positif maka urusan pengkubuman adalah mengikut ketetapan KKM atau JPBD.Semua sekolah, masjid dan rumah ibadat lain ditutup sepanjang tempoh ini.Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan.KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat.Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri.				

LAMPIRAN B

Dikemaskini pada 25 Jun 2021



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG KUALA MEROTAI, KALABAKAN, SABAH

Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengaruh Kesihatan.

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas
--------------------	--------	---------------------------	--

Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
